

# Ensiklopedia pemikiran Dr Mahathir akan diterbitkan

BH 22/6/03

ENSIKLOPEDIA pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam bentuk cakera padat video (VCD) akan dikeluarkan tidak lama lagi sebagai menghargai sumbangan besar beliau dalam dunia Islam moden.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, berkata ensiklopedia itu akan dilancarkan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Oxford, England, apabila ia siap disusun.

Katanya, ensiklopedia itu akan menjadi bahan rujukan yang sama penting dengan pemikiran sarjana Islam terbilang seperti Ibnu Khaldun dan pujangga barat, Shakespeare.

"Ensiklopedia itu akan kita pastikan dimuatkan dalam semua pusat sumber dan perpustakaan di seluruh dunia supaya ia menjadi rujukan kepada mereka yang ingin mengetahui sumbangan Dr Mahathir kepada dunia Islam," katanya pada sesi pengulangan.

Abdul Hamid yang juga Ahli Majlis Tertinggi berkata, satu seminar untuk membincangkan pemikiran Dr Mahathir terhadap dunia Islam juga akan dianjurkan sebelum persaraannya.

Katanya, sarjana dan wakil pemikir Islam dari dunia Islam akan dipanggil untuk membincangkan pemikiran Dr Mahathir kerana sumbangannya kepada masyarakat Islam di Malaysia dan di dunia.